



Farisha mengirim e-mel kepada rakannya untuk menceritakan aktiviti memupuk perpaduan kaum di sekolahnya.

E-mel

Daripada: farisha@ymel.com

Kepada: sindalikan@ymel.com

Perkara: Aktiviti Perpaduan

Tujuan saya mengirim e-mel ini adalah untuk bercerita tentang aktiviti memupuk **perpaduan** di sekolah saya. Antara programnya termasuklah pertandingan drama muhibah, larian sehati sejiwa, malam **kebudayaan** dan sukaneka perpaduan. Program itu untuk melahirkan peserta yang dapat menjiwai erti perpaduan.

Setiap aktiviti dan penyertaan dalam sesebuah pasukan perlu melibatkan murid berbilang kaum. Pihak sekolah juga mengundang sebuah kumpulan kebudayaan dari Sarawak dan Sabah. Mereka beraksi untuk **_meriah_** malam kebudayaan. Seperti kata pemimpin, rakyat mestilah bertoleransi dan mengelakkan perpecahan. Pada hari itu, peserta saling **_salam_** dan bermaafan.

Semangat **_kita_** jelas kelihatan melalui program itu. Program itu dapat memupuk semangat perpaduan dan **_kembang_** bakat kerana budaya yang **_waris_** bangsa perlu **_rai_** agar sentiasa subur.

Akhir kata, saya berharap agar saudara juga sudi menceritakan aktiviti perpaduan di sana. Kita patut **_syukur_** nikmat muhibah di negara kita. Saya berharap semoga tali **_saudara_** kita terus terjalin. Walaupun jauh di mata, dekat di hati. Kita tetap bersahabat.

Sekian. terima kasih.



Munshi Cilik

Kata berimbuhan apitan ialah kata yang menerima imbuhan di hadapan dan di belakang kata dasar.

Contoh: **kekitaan**, **persaudaraan** dan **bersalaman**.

